

# **SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**



## **BUKU PANDUAN**

**TATACARA PENGGUNAAN DAKWAT KEKAL  
SEBELUM KERTAS UNDI DIKELUARKAN  
KEPADА PENGUNDI  
PADA HARI MENGUNDI**

**Disediakan oleh  
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia  
April 2012**

# **SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**



## **BUKU PANDUAN**

**TATACARA PENGGUNAAN DAKWAT KEKAL  
SEBELUM KERTAS UNDI DIKELUARKAN  
KEPADА PENGUNDI  
PADA HARI MENGUNDI**

**Disediakan oleh  
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia  
April 2012**



## **KANDUNGAN**

Bil	Tajuk	Muka Surat
1.	Pendahuluan	1
2	Undang-Undang dan Peraturan Pilihan Raya	2
3.	Kedudukan Pusat Mengundi dan Tempat Mengundi (Saluran)	5
4.	Pelantikan dan Tugas Petugas Pilihan Raya	7
5.	Tatacara Mencalitkan Dakwat Kekal	11
6.	Penutup	13

## **LAMPIRAN**

Lampiran - Akuan Mengenai Keengganan Mengeluarkan Kertas Undi	15
--	----



**BUKU PANDUAN**  
**TATACARA PENGGUNAAN DAKWAT KEKAL**  
**SEBELUM KERTAS UNDI DIKELUARKAN**  
**KEPADA PENGUNDI PADA HARI MENGUNDI**

## **1. Pendahuluan**

- 1.1 Proses pengundian ialah suatu proses semasa pilihan raya di mana pemilih berdaftar melaksanakan hak dan tanggungjawab untuk mengundi sama ada dalam pilihan raya umum atau pilihan raya kecil bagi memilih perwakilan yang mewakili bahagian pilihan raya masing-masing ke Dewan Rakyat atau ke Dewan Undangan Negeri.
- 1.2 Suruhanjaya Pilihan Raya sebagai badan bebas yang bertanggungjawab untuk menjalankan pilihan raya, sentiasa berusaha untuk menambah baik proses pengurusan pilihan raya di negara ini bagi menjamin kemantapan dan ketelusan dalam proses pilihan raya. Berdasarkan kerangka undang-undang dan peraturan-peraturan pilihan raya yang berkuat kuasa, proses pengundian sentiasa dijalankan dengan bebas, telus dan adil. Dalam menjalankan pilihan raya, perundangan dan peraturan pilihan raya merupakan asas utama dalam menyediakan garis panduan untuk melaksanakan proses pilihan raya yang perlu dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dalam pilihan raya.
- 1.3 Dalam menjalankan pilihan raya umum atau pilihan raya kecil (bermula daripada Pilihan Raya Umum Ke-13 dan seterusnya dalam pilihan raya-pilihan raya akan datang) penggunaan dakwat kekal adalah diwajibkan kepada semua pengundi yang datang ke Tempat Mengundi untuk mengundi semasa pilihan raya. Ketua Tempat Mengundi tidak akan mengeluarkan kertas undi kepada pengundi yang enggan membenarkan jari telunjuk kirinya dicalitkan dengan dakwat kekal.
- 1.4 Penggunaan dakwat kekal semasa pilihan raya adalah bertujuan seperti yang berikut:

1.4.1 Mengelakkan pengundi daripada mengundi lebih daripada sekali.

1.4.2 Memastikan ketelusan (transparency) dan integriti proses pilihan raya.

## 2. Undang-Undang dan Peraturan Pilihan Raya

2.1 Peruntukan Peraturan 19 dan 19A mewajibkan seseorang pengundi dicalitkan dengan dakwat kekal sebelum kertas undi dikeluarkan kepada pemilih berkenaan. Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya)(Pindaan) 2012 yang diwartakan melalui P.U.(A) 43 pada 13 Februari 2012 dan berkuat kuasa pada 15 Februari 2012 adalah seperti yang berikut:

### Peraturan 19

19. (1) Setiap pengundi hendaklah diberi satu kertas undi dan adalah berhak kepada satu undi.
- (2) Apabila setiap pengundi meminta kertas undi, nombor dan nama pengundi sebagaimana yang dinyatakan dalam daftar pemilih hendaklah diteriakkan.
- (3) Jika didapati bahawa tiada tanda dibuat mengikut subperaturan (5) pada nombor dan nama pengundi itu dalam daftar pemilih yang menunjukkan bahawa suatu kertas undi telah dikeluarkan kepadanya, Ketua Tempat Mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya, hendaklah sebelum mengeluarkan suatu kertas undi kepada pengundi itu, menghendaki pengundi itu menunjukkan jari telunjuk kirinya supaya dapat dipastikan bahawa tiada dakwat kekal telah ditandakan pada jari telunjuk kiri pengundi itu.

- (4) Setelah Ketua Tempat Mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya berpuas hati bahawa –
  - (a) tiada tanda dibuat pada nombor dan nama pengundi itu dalam daftar pemilih mengikut subperaturan (5); dan
  - (b) Tiada dakwat kekal telah ditandakan pada jari telunjuk kiri pengundi,

Ketua Tempat Mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya hendaklah membuat suatu tanda pada jari telunjuk kiri pengundi itu dengan menggunakan dakwat kekal dan seterusnya Ketua Tempat Mengundi hendaklah mengeluarkan kertas undi kepada pengundi itu.

- (5) Sebelum kertas undi dikeluarkan kepada pengundi, suatu tanda, tanpa menunjukkan dengan apa-apa cara kertas undi tertentu yang hendak dikeluarkan kepadanya, hendaklah dibuat dalam daftar pemilih bersetentangan dengan nombor dan nama pengundi itu untuk menunjukkan bahawa suatu kertas undi telah dikeluarkan kepadanya.
- (6) Kertas undi itu hendaklah ditindikkan atau dicap dengan tanda rasmi atau ditandatangani secara ringkas oleh Ketua Tempat Mengundi di sebelah tepi kertas undi itu dan kertas undi itu hendaklah kemudiannya dikeluarkan kepada pengundi itu oleh Ketua Tempat Mengundi atau mana-mana orang bertindak di bawah kuasanya.

Nota:

Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012 ..... Rujukan mengenai jari telunjuk kiri pengundi dalam peraturan ini dan peraturan 19A hendaklah ditafsirkan –

- (a) dalam hal jika jari telunjuk kiri pengundi tiada atau jari telunjuk kirinya itu tidak dapat ditandakan atas apa-apa jua sebab, sebagai rujukan mengenai mana-mana jari kirinya yang lain;
- (b) dalam hal jika kesemua jari kiri pengundi tiada atau kesemua jari kirinya itu tidak dapat ditandakan atas apa-apa jua sebab, sebagai rujukan mengenai jari telunjuk kanannya yang lain; dan
- (c) dalam hal jika kesemua jari kiri dan kanan pengundi tiada, sebagai rujukan mengenai bahagian hujung tangan kiri atau kanan".

## **Peraturan 19A**

- 19(A)(1) Jika Ketua Tempat Mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya mendapati bahawa –
- (a) Pengundi itu enggan menunjukkan jari telunjuk kirinya supaya dapat dipastikan bahawa tiada dakwat kekal telah ditandakan pada jari telunjuk kiri pengundi itu mengikut subperaturan 19(3);
  - (b) Pengundi itu enggan jari telunjuknya ditandakan dengan dakwat kekal mengikut subperaturan 19(4); atau
  - (c) Jari telunjuk kiri pengundi itu telah ditandakan dengan dakwat kekal tetapi nombor dan nama pengundi itu tidak ditandakan dalam daftar pemilih,

Ketua Tempat Mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya hendaklah merekodkan keengganan pengundi itu atau hakikat bahawa jari telunjuk kiri pengundi itu telah ditandakan dengan dakwat kekal dalam akuan yang diperuntukkan dalam Borang 10A dalam Jadual Pertama, dan hendaklah enggan mengeluarkan kertas undi kepada pengundi itu.


- (2) Jika Ketua Tempat Mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya mendapati bahawa nombor dan nama pengundi dalam daftar pemilih telah ditandakan dengan tanda yang menunjukkan bahawa kertas undi telah dikeluarkan kepada pengundi itu tetapi jari telunjuk kiri pengundi itu tidak ditandakan dengan dakwat kekal, Ketua Tempat Mengundi hendaklah enggan mengeluarkan kertas undi kepada pengundi itu; dan ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya hendaklah merekodkan hakikat sedemikian dalam Borang 10A.
- (3) Ketua Tempat Mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya hendaklah menandatangani akuan dalam Borang 10A di hadapan seorang saksi; dan tiap-tiap akuan itu hendaklah dikecualikan daripada duti setem.

### **3. Kedudukan Pusat Mengundi dan Tempat Mengundi (Saluran)**

- 3.1 Di Setiap Daerah Mengundi diwujudkan sekurang-kurangnya satu pusat mengundi yang mengandungi beberapa Tempat Mengundi (saluran). Contoh-contoh Pusat-pusat Mengundi adalah seperti berikut:
  - (a) Bangunan Sekolah
  - (b) Dewan Orang Ramai
  - (c) Dewan Masyarakat
  - (d) Rumah Panjang di Sarawak
- 3.2 Bagi proses Pengundian Awal pula, Pusat-Pusat Mengundi dan Tempat Mengundi akan diwujudkan di kem tentera atau IPK/IPD Polis berdasarkan bahagian pilihan raya Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Penyediaan Pusat-Pusat Mengundi untuk Pengundian Awal dibuka di dalam kem atau IPK/IPD Polis.


Ini adalah kerana pemilih yang layak mengundi awal terdiri daripada anggota tentera serta pasangan dan anggota polis serta pasangan seorang Pegawai Polis yang berkhidmat dengan Pasukan Gerakan Am (PGA).

- 3.3 Pusat-pusat Mengundi serta Tempat-Tempat Mengundi (Saluran) seperti bangunan sekolah, dewan orang ramai, Dewan Masyarakat, Rumah Panjang, dewan di kem/IPK/IPD serta tarikh dan masa mengundi akan diwartakan.
  - 3.4 Contoh Susun Atur Tempat Mengundi (Saluran) adalah seperti yang berikut:



## SUSUN ATUR DI DALAM TEMPAT MENGUNDI(SALURAN) CONTOH PERTAMA (ADA SATU PINTU)

### PETUNJUK :



#### 4. Pelantikan dan Tugas Petugas Pilihan Raya

- 4.1 Setiap Pusat Mengundi dan Tempat Mengundi (Saluran) akan dikendalikan oleh petugas-petugas pilihan raya yang terdiri daripada Penyelia Pusat Mengundi, KTM, Kerani Pengundian/ Mengira Undi, Kerani Penyemak Daftar Pemilih dan Pemandu Arah Pusat Mengundi. Bagi pilihan raya umum serentak untuk Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, setiap Tempat Mengundi (Saluran) diketuai oleh KTM dan dibantu oleh empat orang Kerani Pengundian. Bagi Tempat Mengundi yang mempunyai jumlah pemilih sedikit, KTM akan dibantu oleh dua atau seorang Kerani Pengundian yang akan ditetapkan oleh SPR

4.2 Tugas Kerani Pengundian adalah seperti yang berikut:

#### 4.2.1 Kerani Pengundian Pertama (KP1)

- (a) Memastikan pengundi yang hadir merupakan orang yang sebenarnya (sama) sebagaimana maklumat identitinya dalam Kad Pengenalan/Mykad atau dokumen pengenalan diri lain seperti Resit Pengenalan Sementara (JPN. KP09), atau Resit Kehilangan Kad Pengenalan (JPN. KP11) yang disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, atau Pasport Antarabangsa, atau Lesen Memandu yang mengandungi Nama, No. KP dan gambar, atau Kad Kuasa yang dikeluarkan oleh jabatan/pihak berkuasa kerajaan yang mengandungi Nama, No.KP dan gambar dengan membandingkan wajah pengundi dengan gambar dalam dokumen pengenalan diri;
- (b) Menyemak butir-butir Kad Pengenalan atau dokumen pengenalan diri dengan senarai Daftar Pemilih di Tempat Mengundi iaitu:
  - a. No. Kad Pengenalan
  - b. Nama Pemilih
- (c) Jika identiti pengundi berkenaan disahkan betul, KP1 hendaklah memeriksa dan memastikan jari telunjuk kiri atau mana-mana jari kiri jika tiada jari telunjuk kiri atau jari telunjuk kanan jika tiada mana-mana jari kiri atau mana-mana jari kanan jika tiada jari telunjuk kanan atau hujung lengan jika tiada mana-mana jari tangan pemilih berkenaan belum dicalitkan dengan dakwat kekal;
- (d) Jika pemilih berkenaan belum dicalitkan dengan dakwat kekal di jari telunjuk kirinya, dan namanya belum ditanda sebagai telah mengundi, KP1 hendaklah meneriakkan Nombor Siri, No. Kad Pengenalan dan Nama Pemilih dengan jelas supaya dapat didengar oleh Ejen-ejen Tempat Mengundi;

- (e) Membuat garisan di antara Nombor Siri dengan No. Kad Pengenalan dalam Daftar Pemilih.

Contoh:-

No. Siri	No.KP	Nama
123 —	561231-03-5033	Abdullah bin Jusoh

#### 4.2.2 Kerani Pengundian Kedua (KP2)

- (a) Meminta pengundi berkenaan meletakkan jari telunjuk kiri di atas tempat pelapik tangan atau mana-mana jari kiri jika tiada jari telunjuk kiri atau jari telunjuk kanan jika tiada mana-mana jari kiri atau mana-mana jari kanan jika tiada telunjuk kanan;
- (b) Mencalitkan dakwat kekal (dengan menggunakan berus yang disediakan) bermula dari ruas pertama jari telunjuk kiri hingga ke hujung jari telunjuk kiri atau mana-mana jari kiri jika tiada jari telunjuk kiri atau telunjuk kanan jika tiada mana-mana jari kiri atau mana-mana jari kanan jika tiada jari telunjuk kanan atau hujung lengan kiri jika tiada mana-mana jari;
- (c) Jika pengundi enggan dicalitkan dengan dakwat kekal di jari telunjuk kirinya atau mana-mana jari kiri jika tiada jari telunjuk kiri atau jari telunjuk kanan jika tiada mana-mana jari kiri atau mana-mana jari kanan jika tiada telunjuk kanan atau hujung lengan jika tiada mana-mana jari, rujuk atau meminta pengundi berkenaan berjumpa dengan Ketua Tempat Mengundi.

#### 4.2.3 Kerani Pengundian Ketiga (KP3)

- (a) Membuat tanda dengan cap khas di tengah-tengah keratan (kaunterfoil) bawah nombor siri kertas undi dengan menggunakan cap yang disediakan;

- (b) Menceraiakan kertas undi daripada keratan (kaunterfoil) kertas undi dengan menggunakan pembaris;
- (c) Jangan sekali-kali menulis apa-apa di atas kertas undi yang hendak diserahkan kepada pengundi;
- (d) Berhati-hati ketika menceraiakan kertas undi daripada keratan kertas undi supaya kertas undi tidak terkoyak atau rosak;
- (e) Kertas undi hendaklah dilipat dua kali dan diserahkan kepada pengundi. Seterusnya menunjukkan arah petak undi supaya pengundi pergi ke petak itu untuk membuat penandaan di kertas undi.

#### 4.2.4 Kerani Pengundian Keempat (KP4)

- (a) Memastikan kertas undi telah dilipat dua kali sebelum dimasukkan dalam peti undi;
- (b) Menunjukkan kepada pengundi peti undi bagi Parlimen dan peti undi bagi Negeri;
- (c) Memastikan pengundi memasukkan kertas undi ke dalam peti undi yang betul sama ada Parlimen atau Negeri;
- (d) Menggunakan pembaris untuk memasukkan kertas undi yang terlekat pada mulut atau lidah peti undi.

**NOTA:**


1. Bagi Tempat Mengundi yang menggunakan dua orang KP, tugas KP 1 adalah gabungan tugas KP 1 dan KP 2, manakala KP 2 menjalankan tugas KP 3.
2. Bagi Tempat Mengundi yang menggunakan seorang KP sahaja, tugas KP 1, KP 2 dan KP 3 digabungkan.

**5. Tatacara Mencalitkan Dakwat Kekal**

- 5.1 Peraturan 19A Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012 menetapkan bahawa seseorang pengundi yang datang ke Tempat Mengundi dan yang meminta dikeluarkan kertas undi, adalah diwajibkan jari telunjuk kirinya dicalitkan dengan dakwat kekal sebelum kertas undi dikeluarkan kepada pengundi berkenaan;
- 5.2 Tatacara mencalit dakwat kekal pada jari telunjuk kiri pengundi adalah dengan mencalitkan dakwat kekal itu dengan menggunakan berus yang disediakan bermula daripada ruas pertama jari telunjuk kiri hingga ke hujung jari atau mana-mana jari kiri jika tiada jari telunjuk kiri atau jari telunjuk kanan jika tiada mana-mana jari kiri atau mana-mana jari kanan jika tiada jari telunjuk kanan atau hujung lengan kiri jika tiada mana-mana jari.
- 5.3 Undang-undang tidak mewajibkan penggunaan dakwat kekal kepada Pengundi Tidak Hadir yang diberi kelulusan untuk mengundi secara pos.

- 5.4 Contoh calitan dakwat kekal pada jari telunjuk kiri pengundi adalah seperti yang berikut:

**CONTOH CALITAN DAKWAT KEKAL PADA JARI  
TELUNJUK KIRI**



- 5.5 Kertas undi tidak akan dikeluarkan kepada pengundi yang datang untuk mengundi di Tempat Mengundi jika timbul keadaan seperti yang berikut:

- 5.5.1 Pengundi itu enggan menunjukkan jari telunjuk kirinya untuk Kerani Pengundian memastikan sama ada dakwat kekal telah ditandakan pada jari telunjuk kirinya;
- 5.5.2 Pengundi itu enggan memberarkan jari telunjuk kirinya ditandakan dengan dakwat kekal;
- 5.5.3 Pada jari telunjuk kiri pengundi itu telah ada tanda calitan dengan dakwat kekal walaupun tidak terdapat tanda garisan yang telah dibuat di antara Nombor Siri dengan

No. Kad Pengenalan dalam Daftar Pemilih di Tempat Mengundi berkenaan; atau

- 5.5.4 Pada jari telunjuk kiri itu tidak terdapat tanda calitan dengan dakwat kekal tetapi telah ada tanda garisan di antara No. Bilangan dengan No. Kad Pengenalan pengundi berkenaan dalam Daftar Pemilih di Tempat Mengundi itu yang menunjukkan bahawa kertas undi telah dikeluarkan kepada.
- 5.6 Bagi keadaan di mana kertas undi tidak dikeluarkan kepada pengundi seperti yang disebut di perenggan 5.5.1 hingga 5.5.4 di atas, KTM hendaklah membuat catatan di dalam Borang **Akuan Mengenai Keengganan Mengeluarkan Kertas Undi** (Borang 10A) seperti **LAMPIRAN**
- 5.7 Bagi keadaan di mana kertas undi tidak dikeluarkan kepada pengundi seperti yang disebut di perenggan 5.5.1 dan 5.5.2 di atas jika pengundi berkenaan datang semula ke Tempat Mengundi itu untuk mengundi dan bersetuju untuk dicalit jari telunjuk kirinya dengan dakwat kekal seperti yang diwajibkan di bawah peruntukan yang berkenaan, KTM akan mengeluarkan kertas undi kepada pemilih berkenaan. Pada masa yang sama KTM hendaklah membatalkan Borang 10A dengan membuat catatan dalam Borang berkenaan bahawa pengundi berkenaan bersetuju dan mematuhi syarat-syarat di perenggan 5.5.1 atau 5.5.2 di atas dan kertas undi telah dikeluarkan kepada pengundi berkenaan.

## 6. Penutup

- 6.1 Proses pengundian semasa pilihan raya adalah satu urusan yang mengandungi rangkaian Tatacara sebagai garis panduan yang perlu difahami dan dipatuhi oleh semua petugas pilihan raya yang terdiri daripada Ketua Tempat Mengundi, Kerani Pengundian yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan proses pilihan raya di Tempat Mengundi.

- 6.2 Berhubungan dengan penggunaan dakwat kekal semasa pilihan raya, Peraturan-peraturan 19 dan 19A Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012 menetapkan bahawa setiap pengundi yang datang ke Tempat Mengundi untuk mengundi, hendaklah membenarkan jari telunjuk kiri dicalitkan dengan dakwat kekal sebelum kertas undi boleh dikeluarkan kepadanya. Calitan dakwat kekal adalah diwajibkan kepada semua pengundi semasa proses pengundian dalam pilihan raya, kecuali Pengundi Tidak Hadir yang diberi kelulusan untuk mengundi secara pos.

**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA  
APRIL 2012**

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA  
(PENJALANAN PILIHAN RAYA) 1981

LAMPIRAN

**BORANG 10A**  
[Peraturan 19A]

DUTI SETEM  
DIKECUALIKAN

**AKUAN MENGENAI KEENGGANAN MENGELOUARKAN KERTAS UNDI**

Saya, .....  
*(Nama Penuh)*

No. K.P ..... ialah \* Ketua Tempat Mengundi/Orang Yang Bertindak Di  
Bawah Kuasa Ketua Tempat Mengundi di pusat mengundi .....  
*(Nama Pusat Mengundi)*

bagi Tempat Mengundi ..... Mengaku bahawa saya telah enggan mengeluarkan  
*(No. Saluran)*

Kertas Undi kepada.....  
*(Nama Pengundi)*

No. K.P ..... Atas alas an seperti yang berikut:  
*(No. K.P. Pengundi)*

- \*(a) pengundi itu enggan menunjukkan jari telunjuk kirinya untuk dipastikan sama ada dakwat kekal telah ditandakan pada jari telunjuk kirinya;
- \*(b) pengundi itu enggan jari telunjuk kirinya ditandakan dengan dakwat kekal;
- \*(c) jari telunjuk kiri pengundi itu telah ditandakan dengan dakwat kekal walaupun tidak terdapat tanda yang menunjukkan bahawa Kertas Undi telah dikeluarkan kepadanya telah dibuat pada nombor dan nama pengundi itu dalam daftar pemilih; atau
- \*(d) jari telunjuk kiri pengundi itu tidak ditandakan dengan dakwat kekal tetapi telah terdapat tanda yang menunjukkan bahawa Kertas Undi telah dikeluarkan kepadanya telah dibuat pada nombor dan nama pengundi itu dalam daftar pemilih

Tarikh:

.....  
*Tandatangan*

Ditandatangani di hadapan

.....  
*Tandatangan Saksi*

Nama :  
No. K.P. :  
Tarikh :

\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

CATATAN (*jika perlu*) :

